



BULETIN **SUHAKAM**

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Edisi April - Jun 2023 Bil 2/2023 *ISSN 1823-3392* Percuma



PERBAHASAN LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN SUHAKAM 2020

Parlimen Malaysia
muka surat 18 - 19



**SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) di
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)
Pekan Kuala Penyu, Sabah**

muka surat 8

**Sesi Libat Urus Bersama Pihak Yang
Berkepentingan Mengenai Ketetapan Dasar
dan Parameter Bagi Rang Undang-Undang
(RUU) Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia
(OCC)**

muka surat 23



SIDANG REDAKSI

Penasihat
Altaf Deviyati
Setiausaha

Syamsul Azhar Zamani
Ketua Penolong
Setiausaha

Editor
Muhammad Syafiq Ikhwan
Ghazali
Penolong Setiausaha

Pereka Grafik
Nur Naillah Mohd Sani
Pembantu Tadbir

Dicetak oleh
Percetakan Haji Jantan
No. 12, Jalan 4/118C,
Desa Tun Razak, 56000,
Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan



© Hak cipta terpelihara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Sebarang terbitan semula perlulah mendapat keizinan daripada SUHAKAM atau pengakuan sumber dibuat. SUHAKAM tidak akan bertanggungjawab akibat menyalin dan menyiar semula tanpa keizinan.



04	<ul style="list-style-type: none"> Jemputan ke Bengkel Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Kunjungan Kerja Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak
05	<ul style="list-style-type: none"> Infografik SUHAKAM : Hari Kesihatan Sedunia
06	<ul style="list-style-type: none"> Kunjungan Kerja Pejabat SUHAKAM Sabah ke atas Pengarah Jabatan Imigresen Negeri Sabah Sesi Libat Urus Pindaan Perlembagaan Persekutuan Berhubung Isu-Isu Kewarganegaraan
07	<ul style="list-style-type: none"> Ceramah 'Hak Asasi Manusia dan Media' di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Melaka
08	<ul style="list-style-type: none"> SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pekan Kuala Penyu, Sabah
09	<ul style="list-style-type: none"> Perbincangan Meja Bulat: Hak Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan bertemakan: 'Wibawa Pendidikan Untuk Menebus Semula Kehilangan Kehidupan Dan Masa Hadapan'
10	<ul style="list-style-type: none"> Bengkel Pengukuhan Peranan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) dan Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) Lawatan Berkala Pejabat SUHAKAM Sabah ke Pusat Koreksional Labuan, Sabah
11	<ul style="list-style-type: none"> SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) Daerah Sebauh, Bintulu, Sarawak
12	<ul style="list-style-type: none"> Lawatan Berkala Pejabat SUHAKAM Sarawak ke Pusat Koreksional Bintulu, Sarawak Lawatan Berkala Pejabat SUHAKAM Sarawak ke Balai Polis Pusat Bintulu, Sarawak
13	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama para Pelarian Rohingya Kunjungan oleh Delegasi Universiti RMIT dari Melbourne ke Pejabat SUHAKAM
14	<ul style="list-style-type: none"> Sesi Libat Urus 'Dialog Bersama Syarikat Penyedia Perkhidmatan E-Panggilan dan P-Panggilan: Isu, Cabaran Semasa dan Amalan Terbaik Syarikat'
15	<ul style="list-style-type: none"> Sesi Konsultasi bersama Pihak Yang Berkepentingan berkenaan Isu Buruh Paksa Taklimat 'Perundangan Dalam Pengendalian Kanak-kanak: Ibu bapa, Keluarga dan Masyarakat'
16	<ul style="list-style-type: none"> Pameran bersempena Program 'Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan 2023' Ceramah Mengenai Hak Asasi Manusia dan Isu Buli di Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) Batu Pahat, Johor
17	<ul style="list-style-type: none"> Sesi Konsultasi Penyelaras Matriks Berkala Sejagat (UPR) Peringkat Negeri Sabah di Kota Kinabalu, Sabah
18-19	<ul style="list-style-type: none"> Perbahasan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SUHAKAM 2020
20	<ul style="list-style-type: none"> Lawatan Berkala ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Maran, Pahang Lawatan Berkala ke Penjara Penor, Pahang Lawatan Berkala ke Depot Imigresen Kemayan, Pahang
21	<ul style="list-style-type: none"> Kunjungan Hormat oleh Atty. Faydah Maniri Dumarpa, Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Filipina (CHRF)
22	<ul style="list-style-type: none"> Ceramah Kesedaran mengenai Hak Asasi Kanak-kanak di Sekolah Kebangsaan (SK) Kindu, Tuaran, Sabah Ceramah dan Pameran Kesedaran Hak Asasi Manusia bersempena Program Pemeriksaan Gerak Sihat dan Pengguna Selangor
23	<ul style="list-style-type: none"> Sesi Libat Urus Bersama Pihak Yang Berkepentingan Mengenai Ketetapan Dasar dan Parameter Bagi Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia

KANDUNGAN



JEMPUTAN KE BENGKEL TABUNG KANAK-KANAK PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (UNICEF)

Anggota Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC), Dr. Farah Nini Dusuki telah dijemput sebagai penceramah untuk sebuah bengkel anjuran Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) bagi membincangkan cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh kanak-kanak di Malaysia di samping berkongsi visi beliau untuk membangunkan satu rangka kerja bagi melindungi kanak-kanak. Dr. Farah Nini turut menyatakan sokongan beliau terhadap pemerkasaan kanak-kanak dengan menekankan kepentingan mendapat dan mengambil kira pandangan kanak-kanak dalam semua perkara berkaitan kehidupan mereka. Beliau turut menyeru hadirin agar sentiasa mengutamakan kepentingan terbaik kanak-kanak dalam proses membuat sesuatu keputusan.

5 APRIL 2023

Delegasi Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) yang diketuai oleh Dr. Farah Nini Dusuki telah mengadakan kunjungan kerja ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak bagi membincangkan isu jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak. OCC amat berbesar hati atas kesudian pihak IPD menerima kunjungan lawatan tersebut dan merakamkan ucapan terima kasih atas kerjasama yang diberikan semasa perbincangan berlangsung.

KUNJUNGAN KERJA PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK (OCC) KE IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) GOMBAK





Infografik SUHAKAM hasil kreatif Bahagian Media dan Promosi (MPD)

Hari Kesihatan Sedunia disambut pada 7 April setiap tahun. Pada tahun 2023, tema yang dipilih oleh Kerajaan ialah "Kesihatan untuk Semua" bagi menzahirkan komitmen 'tiada diskriminasi kesihatan' kepada seluruh rakyat di negara ini. Menurut YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semua individu perlu mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan tanpa mengambil kira latar belakang. "Kerajaan mengiktiraf hak untuk kesihatan sebagai hak asasi manusia yang penting bagi mencapai kehidupan yang bermaruah. Hak untuk kesihatan ini seharusnya dinikmati oleh setiap orang secara saksama tanpa mengira status atau sebarang perbezaan dan diskriminasi," jelasnya menerusi kiriman di media sosial.

SESI LIBAT URUS PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BERHUBUNG ISU-ISU KEWARGANEGARAAN



17 APRIL 2023

KUNJUNGAN KERJA PEJABAT SUHAKAM SABAH KE ATAS PENGARAH JABATAN IMIGRESEN NEGERI SABAH

Pejabat SUHAKAM Sabah yang diketuai oleh Anggota Suruhanjaya Datuk Hajah Mariati Robert telah mengadakan kunjungan kerja ke atas YBhg. Datuk Sh. Sitti Saleha Habib Yussof, Pengarah Jabatan Imigresen Negeri Sabah. Antara perkara yang dibincangkan semasa kunjungan kerja tersebut ialah pengenalan kepada fungsi dan mandat SUHAKAM serta isu kemanusiaan yang berkaitan dengan individu pemegang dokumen antaranya IMM13, Kad Burung-Burung dan Sijil Banci. Selain itu, Pejabat SUHAKAM Sabah turut mengambil maklum akan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Imigresen Negeri Sabah dalam menjalankan tugas rasmi mereka dan telah mengemukakan beberapa syor penambahbaikan agar hak asasi manusia dapat dinikmati oleh semua.



Satu sesi libat urus antara SUHAKAM dan Sekretariat Jawatankuasa Teknikal Pindaan Perlembagaan Persekutuan atas pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung isu-isu kewarganegaraan telah diadakan.

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Februari 2023, kata sepakat telah dicapai agar pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung isu-isu kewarganegaraan dilaksanakan. Sehubungan itu, Jawatankuasa Teknikal Pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung isu-isu kewarganegaraan telah ditubuhkan bagi meneliti dan mengkaji aspek-aspek berkaitan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan, Kementerian Dalam Negeri telah dilantik sebagai Urus Setia dan Sekretariat Jawatankuasa Teknikal Pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan kajian terperinci berhubung Pindaan Perlembagaan Persekutuan.





3 MEI 2023

CERAMAH 'HAK ASASI MANUSIA DAN MEDIA' DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) CAWANGAN MELAKA

Program Pengajaran Kolaboratif COM168 telah berlangsung di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka atas inisiatif Puan Siti Hajar Abd Aziz, Pensyarah Kanan, Pengajian Komunikasi dan Media, UiTM, Cawangan Melaka. Puan Siti Zaihan Zulkarnain selaku penceramah jemputan telah menyampaikan ceramah bertajuk 'Hak Asasi Manusia dan Media' yang bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta mengenai kepentingan memahami dan mematuhi prinsip hak asasi manusia dalam konteks pengamal media, sekaligus memperkasakan pengetahuan mereka khususnya mengenai hak asasi manusia dan isu-isu yang berkaitan.



SUHAKAM BERSAMA MASYARAKAT (SBM) DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) PEKAN KUALA PENYU, SABAH

Pejabat SUHAKAM Sabah dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Penyu, telah menganjurkan program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) di SMK Pekan Kuala Penyu. Sesi SBM tersebut telah dihadiri oleh 92 orang pelajar dari SMK Pekan Kuala Penyu, SMK Kuala Penyu dan SMK Menumbok. Selain penerangan mengenai konsep hak asasi manusia dan pengenalan kepada SUHAKAM, sesi tersebut turut diisi dengan slot Bengkel Kesedaran Hak Asasi Manusia, di mana para pelajar telah diberikan soalan-soalan berkaitan hak asasi manusia diikuti dengan sesi perkongsian mengenai langkah-langkah yang boleh diambil bagi melindungi dan mempromosi hak asasi manusia.



PERBINCANGAN MEJA BULAT: HAK PENDIDIKAN KANAK-KANAK PELARIAN DAN TANPA KEWARGANEGARAAN BERTEMAKAN: 'WIBAWA PENDIDIKAN UNTUK MENEBUS SEMULA KEHILANGAN KEHIDUPAN DAN MASA HADAPAN'

Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) bersama rakan kolaborasi; Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR), Asia Displacement Solutions Platform (ADSP), The International Rescue Committee (IRC) dan European Union Civil Protection and Humanitarian Aid (ECHO) telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat: Hak Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan dengan Tema: 'Wibawa Pendidikan Untuk Menebus Semula Kehilangan Kehidupan Dan Masa Hadapan'. Program telah dimulakan dengan penerangan ringkas berhubung objektif program oleh Dr. Farah Nini Dusuki, disusuli pembentangan oleh YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak. Majlis diteruskan dengan sesi perbincangan diikuti slot perkongsian oleh UNHCR. OCC merakamkan penghargaan kepada semua peserta yang hadir termasuk para pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan.

Antara rumusan yang dicapai berdasarkan program tersebut ialah:

(a) Jurang dan cabaran kepada golongan kanak-kanak ini untuk mendapatkan akses ke sekolah awam dan swasta, serta Pusat Pembelajaran Alternatif (ALC) ialah:

- jurang bahasa
- ketiadaan dokumentasi
- pembiayaan terhad
- kekangan undang-undang

(b) Hala tuju dan cadangan mengenai integrasi dan alternatif terbaik dalam menangani isu pendidikan buat kanak-kanak pelarian dan bukan warganegara di Malaysia ialah:

- menambah baik infrastruktur pendidikan
- menghapuskan halangan perundangan
- sistem pendidikan yang inklusif
- mengadakan pembangunan kapasiti dalam sektor pendidikan
- melaksanakan Ordinan Sarawak di Semenanjung Malaysia



LAWATAN BERKALA PEJABAT SUHAKAM SABAH KE PUSAT KOREKSIONAL LABUAN, SABAH



10 - 11 MEI 2023

BENGKEL PENGUKUHAN PERANAN INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NHRI) DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL (CSO)

SUHAKAM bersama-sama UPR Info dengan sokongan European Union in Malaysia telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan Peranan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) dan organisasi masyarakat civil (CSO) dalam Pemantauan Hak Asasi Manusia dan Pelaporan bagi Penilaian Berkala Sejagat (UPR) Malaysia pada 10 - 11 Mei 2023 secara hibrid.



Pejabat SUHAKAM Sabah telah mengadakan lawatan berkala ke Pusat Koreksional Labuan yang memberi tumpuan ke arah mewujudkan kesedaran hak asasi manusia dalam kalangan warga pusat tersebut di samping meninjau keadaan keseluruhan Pusat Koreksional Labuan.

Semasa lawatan, satu sesi dialog bersama Pengarah Pusat Koreksional Labuan, PKP Kalbin Haji Mohd Said dan kakitangan beliau telah turut diadakan.

Pejabat SUHAKAM Sabah merakamkan penghargaan kepada seluruh warga Pusat Koreksional Labuan atas kerjasama dan sokongan yang diberikan sepanjang lawatan ini.





SUHAKAM BERSAMA MASYARAKAT (SBM) DAERAH SEBAUH, BINTULU, SARAWAK

SUHAKAM melalui Pejabat SUHAKAM Sarawak telah menganjurkan program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) Daerah Sebauh, Bintulu yang dihadiri oleh ketua masyarakat termasuk penghulu, tuai rumah, ketua kampung, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta masyarakat di sekitar daerah Sebauh. Program tersebut turut dihadiri oleh Encik Dennis Gasing Anak Inggu, wakil dari Pejabat Daerah Sebauh.

Objektif utama SBM diadakan ialah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat setempat mengenai fungsi dan mandat SUHAKAM sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan di samping meningkatkan pengetahuan mereka mengenai konsep dan prinsip hak asasi manusia. Selain itu, program ini juga dilihat sebagai satu platform kepada masyarakat untuk berkongsi mengenai isu-isu hak asasi manusia yang dihadapi dan seterusnya mencari ruang penyelesaian.

Selain sesi perkongsian dan ceramah, delegasi SUHAKAM turut berpeluang mengadakan lawatan ke rumah panjang Tuai Rumah Robert Anak Pengabang bagi meninjau keadaan semasa masyarakat rumah panjang di kawasan Sebauh.



LAWATAN BERKALA PEJABAT SUHAKAM SARAWAK KE BALAI POLIS PUSAT BINTULU, SARAWAK

Pejabat SUHAKAM Sarawak yang diketuai oleh Anggota Suruhanjaya Dr. Chew Chee Ming telah mengadakan kunjungan hormat kepada SUPT Batholomew Anak Umpit, Ketua Polis Daerah, Ibu Pejabat Polis Daerah Bintulu, Sarawak serta lawatan lokap di Balai Polis Pusat Bintulu yang turut diiringi oleh Tuan Mohd Sani Junid, Ketua Polis Balai, Balai Polis Pusat Bintulu.

Lawatan berkala ini bertujuan untuk meninjau keadaan Lokap Balai Polis Pusat, Bintulu Sarawak bagi memastikan keadaan di sana adalah selari dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia. Selain itu, Pejabat SUHAKAM Sarawak turut mengambil maklum isu-isu yang dihadapi oleh Lokap Balai Polis Pusat Bintulu dalam menjalankan tugas rasmi dan turut mengemukakan beberapa syor penambahbaikan agar mencapai matlamat sistem keadilan jenayah yang menghormati hak asasi individu. Untuk rekod, lawatan pertama Pejabat SUHAKAM Sarawak ke Balai Polis Bintulu ialah pada 26 Jun 2014 berhubung kajian ‘Kematian dalam Tahanan Polis: Satu Kaji Selidik mengenai Keadaan Lokap dan Faktor-faktor Penyumbang kepada Kematian’.



17 MEI 2023

LAWATAN BERKALA PEJABAT SUHAKAM SARAWAK KE PUSAT KOREKSIONAL BINTULU, SARAWAK

Pejabat SUHAKAM Sarawak yang diketuai oleh Anggota Suruhanjaya Dr. Chew Chee Ming telah mengadakan kunjungan hormat kepada PKP Wallace Anak Nawon, Penolong Komisioner Penjara, Pusat Koreksional Bintulu, Sarawak sekaligus memulakan sesi pertama lawatan berkala ke pusat tersebut.

Lawatan tersebut membolehkan delegasi SUHAKAM meninjau keadaan Pusat Koreksional Bintulu Sarawak bagi memastikan keadaan di sana selari dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia.

Pejabat SUHAKAM Sarawak turut mengambil maklum isu-isu yang dihadapi oleh Pusat Koreksional Bintulu dalam menjalankan tugas rasmi dan telah mengemukakan beberapa syor penambahbaikan agar matlamat sistem keadilan jenayah yang menghormati hak asasi individu dapat dicapai.

29 MEI 2023

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI BERSAMA PARA PELARIAN ROHINGYA

SUHAKAM telah mengadakan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama para pelarian Rohingya pada 29 Mei 2023. Selain beramah mesra bersama hadirin, majlis tersebut turut bertujuan menganalisis tahap akses para pelarian wanita Rohingya terhadap kesihatan, kebersihan dan reproduktif. SUHAKAM merakamkan penghargaan kepada pihak *Host International*, Persekutuan Persatuan-Persatuan Kesihatan Reproduktif, Malaysia (FRHAM) dan IMAM Response & Relief Team (IMARET) atas kerjasama dan sambutan menggalakkan yang diberikan.



30 MEI 2023

KUNJUNGAN OLEH DELEGASI UNIVERSITI RMIT DARI MELBOURNE KE PEJABAT SUHAKAM

SUHAKAM telah menerima kunjungan daripada delegasi Universiti RMIT Melbourne yang terdiri daripada 2 orang ahli akademik dan 30 orang pelajar bersempena *RMIT Criminal Justice, Globalization and Human Rights Study Tour 2023 in Malaysia*. Semasa kunjungan tersebut, pihak SUHAKAM yang diwakili pegawai Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) dan Bahagian Media dan Promosi (MPD) telah menyampaikan taklimat ringkas mengenai kerja-kerja terkini yang dilaksanakan berdasarkan mandat dalam Akta SUHAKAM 1999.





1 JUN 2023

SESI LIBAT URUS ‘DIALOG BERSAMA SYARIKAT PENYEDIA PERKHIDMATAN E-PANGGILAN DAN P-PANGGILAN: ISU, CABARAN SEMASA DAN AMALAN TERBAIK SYARIKAT’

SUHAKAM mengadakan sesi libat urus ‘Dialog Bersama Syarikat Penyedia Perkhidmatan E-Panggilan dan P-Panggilan: Isu, Cabaran Semasa dan Amalan Terbaik Syarikat’ pada 1 Jun 2023 bertempat di Pejabat SUHAKAM Kuala Lumpur. Sesi ini merupakan program susulan daripada sesi terdahulu bersama pekerja dan persatuan pekerja ekonomi gig yang telah diadakan pada 1 Mac 2023.

Antara objektif utama sesi dialog diadakan ialah untuk :

1. Mendapatkan status terkini berkaitan isu, cabaran semasa dan amalan terbaik syarikat dalam industri ekonomi gig.
2. Mengenal pasti inisiatif syarikat penyedia perkhidmatan terhadap perlindungan sosial.

Sebanyak 7 buah syarikat yang terlibat dalam industri e-panggilan dan p-panggilan telah menyertai sesi ini. Pelbagai isu telah dibincangkan termasuklah definisi pekerja gig, keperluan mewujudkan undang-undang berkaitan ekonomi gig, dasar syarikat terhadap persekitaran kerja ekonomi gig, amalan dan dasar terbaik syarikat, isu gangguan seksual, hak kepada perlindungan data peribadi pekerja dan pelanggan serta pembangunan pelantar digital.

Sesi tersebut turut diisi dengan pembentangan bertajuk ‘Hak dan Tanggungjawab Digital’ yang disampaikan oleh wakil dari The IO Foundation. Sesi perkongsian telah disempurnakan oleh Encik Jalluddin Abu Hassan, Pengasas dan Pengarah aplikasi *Halo Delivery* dan Encik Mohd Faizul Ezmin Saidin, Penolong Pengurus Operasi Komersial, Air Asia Ride Sdn. Bhd. selaku panel jemputan.

SUHAKAM merakamkan penghargaan kepada semua peserta dan berharap sesi ini akan membuka ruang jalinan kerjasama yang lebih luas pada masa akan datang.

SESI KONSULTASI BERSAMA PIHAK YANG BERKEPENTINGAN BERKENAAN ISU BURUH PAKSA



Bahagian Dasar (PD) telah menganjurkan sesi konsultasi bersama pihak yang berkepentingan di Johor Bahru bagi mewujudkan kesedaran berkenaan isu buruh paksa, mendapatkan maklum balas, mengenal pasti halangan dan cabaran utama yang dihadapi oleh pemegang taruh berkaitan buruh paksa serta mengumpul maklumat mengenai keperluan dan sokongan utama yang diperlukan oleh pemegang taruh bagi menangani isu buruh paksa di Johor.

Pelbagai isu telah dibangkitkan antaranya proses pengambilan pekerja, penipuan ejen/agensi pengambilan pekerja, keadaan tempat kerja dan/atau penginapan yang tidak kondusif, fi pengambilan pekerja, isu hak asasi pekerja domestik migran dan akses kepada sistem keadilan dan mekanisme aduan.

SUHAKAM merakamkan penghargaan kepada agensi kerajaan, syarikat, kesatuan, universiti, badan bukan kerajaan (NGO), dan persatuan yang telah hadir dan mengambil bahagian.



10 JUN 2023

TAKLIMAT 'PERUNDANGAN DALAM PENGENDALIAN KANAK-KANAK: IBU BAPA, KELUARGA DAN MASYARAKAT'

Anggota Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak, Dr. Farah Nini Dusuki telah menyampaikan taklimat bertajuk 'Perundangan dalam Pengendalian Kanak-kanak: Ibu bapa, Keluarga dan Masyarakat' pada Konvensyen Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan 2023 (KPAKK 2023). Program anjuran bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Persatuan Pengasuhan Dan Perkembangan Awal Kanak-kanak Berdaftar Malaysia (PPBM) tersebut mengangkat tema 'Kelestarian Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak'.





12 JUN 2023

PAMERAN BERSEMPENA PROGRAM 'KARNIVAL KERJAYA DAN KEUSAHAWANAN FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN 2023'

SUHAKAM melalui Bahagian Media dan Promosi (MPD) telah membuka reruai pameran bersemepna program 'Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) 2023' pada 12 Jun 2023 bertempat di Dewan Perdana FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Satu sesi ceramah bertajuk 'Ketahui Hak Anda Sebagai Pekerja Kerajaan/Swasta' turut disampaikan oleh Naib Pengurus SUHAKAM, Prof. Dato' Noor Aziah Hj. Mohd Awal yang membincangkan hak seseorang individu dalam sektor pekerjaan daripada aspek hak asasi manusia berdasarkan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perisyntiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), serta konvensyen antarabangsa yang menyentuh antaranya tentang kesamarataaan, tiada diskriminasi dan larangan kerja paksa.

CERAMAH MENGENAI HAK ASASI MANUSIA DAN ISU BULI DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) BATU PAHAT, JOHOR

SUHAKAM melalui Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) telah dijemput untuk menyampaikan ceramah mengenai hak asasi manusia dan isu buli di MRSM Batu Pahat, Johor. Antara perkara utama yang disampaikan termasuklah prinsip-prinsip hak asasi manusia, hak kanak-kanak serta perkaitan antara isu buli dan hak asasi manusia. Diharap program seperti ini akan dapat meningkatkan kesedaran warga maktab dalam usaha membendung kejadian buli khususnya di sekolah berasrama penuh.





SESI KONSULTASI PENYELARASAN MATRIKS PEMANTAUAN PENILAIAN BERKALA SEJAGAT (UPR) PERINGKAT NEGERI SABAH DI KOTA KINABALU, SABAH

SUHAKAM, menerusi jemputan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN), telah menyertai Sesi Konsultasi Penyelarasan Matriks Pemantauan Penilaian Berkala Sejagat (UPR) peringkat Negeri Sabah pada 14 Jun 2023 di Kota Kinabalu, Sabah.

Susulan konsultasi yang diadakan bersama kerajaan Negeri Sabah, satu lagi sesi telah diadakan bersama organisasi masyarakat civil (CSO) dan badan bukan kerajaan (NGO) pada sebelah petangnya yang diketuai oleh Anggota Suruhanjaya Datuk Hajah Mariati Robert.

Objektif konsultasi tersebut adalah untuk mendapatkan maklumat daripada Kerajaan Negeri mengenai aktiviti yang telah dilaksanakan ke arah pelaksanaan saranan UPR, meningkatkan kesedaran tentang proses UPR dan kepentingannya, memberi maklumat tentang perkembangan terkini yang telah diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan mengenai proses UPR termasuk pelaksanaan saranan UPR serta menyediakan platform untuk perbincangan antara Kerajaan Persekutuan bersama CSO dan NGO di Sabah.

SUHAKAM mengucapkan terima kasih kepada KLN atas inisiatif penting ini dan berharap sesi konsultasi UPR dapat dijalankan di negeri-negeri lain pada masa hadapan.



PERBAHASAN LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN SUHAKAM 2020

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (15 JUN 2023) – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merakamkan penghargaan kepada Kerajaan kerana membentangkan dan membahaskan Laporan Tahunan SUHAKAM 2020 semasa mesyuarat kedua penggal kedua Parlimen ke-15 pada tahun 2023. Peristiwa penting ini merupakan kali kedua selepas Laporan Tahunan SUHAKAM dibahaskan buat kali pertama sejak penubuhan pada tahun 1999. SUHAKAM berharap agar perbahasan yang bermakna ini diteruskan untuk tahun yang akan datang.

Sepanjang tempoh tiga hari perbahasan, kesemua Ahli Parlimen yang terlibat membangkitkan pelbagai isu hak asasi manusia yang penting. Antaranya mengenai kewarganegaraan, pendidikan, undang-undang pencegahan, reformasi penjara, pemerdagangan manusia, pelarian, pekerja migran dalam sektor pertanian, hak warga emas, Alternatif untuk Penahanan (ATD) kanak-kanak, hak Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan hak Orang Asal di Sabah dan Sarawak.

SUHAKAM memperakui semua saranan pembahasan dalam mempromosi hak asasi manusia. Antara syor merangkumi penyertaan aktif SUHAKAM dalam dua Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat serta Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, pindaan kepada Akta SUHAKAM, kepentingan triti hak asasi manusia antarabangsa, keserasian hak asasi manusia dalam kalangan masyarakat Islam, dan keperluan menyelesaikan aduan tepat pada masanya.

Kerjasama antara Parlimen dan SUHAKAM semasa sesi perbahasan ini telah menggambarkan kepentingan hak asasi manusia serta penglibatan sebahagian besar Ahli Parlimen yang meluangkan masa dan tenaga bagi membincangkan isu-isu berbangkit di dalam laporan tahunan ini menunjukkan komitmen para penggubal undang-undang dalam memperbaiki jurang serta cabaran yang telah dikenalpasti.

SUHAKAM kekal komited untuk bekerjasama rapat dengan semua pihak berkepentingan bagi mengukuhkan lagi promosi dan perlindungan hak asasi manusia di negara ini.

SOROTAN LENSA SEKITAR PERBAHASAN LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN SUHAKAM 2020



LAWATAN BERKALA KE IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) MARAN, PAHANG

19 JUN 2023

SUHAKAM melalui Bahagian Aduan dan Pemantauan (CMD) telah mengadakan lawatan berkala ke lokap polis di IPD Maran. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada fungsi SUHAKAM iaitu melawat tempat tahanan dan memberikan syor yang melibatkan hak asasi manusia untuk tujuan penambahbaikan.

Wakil SUHAKAM telah diberikan taklimat berhubung operasi lokap serta isu-isu berbangkit di IPD Maran oleh Timbalan Ketua Polis Daerah/Ketua Bahagian Pengurusan iaitu ASP Mohamed Rasul Hj Mohamed sebelum lawatan dijalankan ke seluruh kawasan lokap serta menemubual secara rawak tahanan dan anggota yang bertugas.

LAWATAN BERKALA KE PENJARA PENOR, PAHANG

20 JUN 2023

SUHAKAM telah meneruskan lawatan berkala ke tempat tahanan di Negeri Pahang iaitu di Penjara Penor. SUHAKAM telah disambut dan diberikan taklimat berhubung pengurusan Penjara Penor oleh Timbalan Pengarah Penjara Penor iaitu PP Ahmad Ikhwan Naim Mohd Zin.

Lawatan yang berlangsung hampir 6 jam itu meliputi lawatan ke blok-blok tahanan, klinik penjara, bengkel latihan vokasional dan dapur. SUHAKAM juga telah mengadakan temubual secara rawak dengan banduan di blok tahanan serta anggota yang bertugas.

LAWATAN BERKALA KE DEPOT IMIGRESEN KEMAYAN

21 JUN 2023

Lawatan berkala berikutnya ini adalah ke Depot Imigresen Kemayan, Pahang yang meliputi lawatan ke blok-blok tahanan, klinik depot, serta temubual secara bersama dengan penghuni di blok tahanan serta anggota yang bertugas. Selain itu, SUHAKAM juga telah mengadakan lawatan tapak ke syarikat pengendali makanan untuk semua tahanan bagi melihat cara penyediaan makanan disamping meninjau tahap kebersihan peralatan dan kawasan dapur tersebut. SUHAKAM mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh semua agensi yang terlibat di dalam lawatan berkala ini.



KUNJUNGAN HORMAT OLEH ATTY. FAYDAH MANIRI DUMARPA, PESURUHJAYA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA FILIPINA (CHRP)

SUHAKAM yang diketuai oleh Aggota Suruhanjaya Datuk Hajah Mariati Robert telah menerima kunjungan hormat daripada Atty. Faydah Maniri Dumarpa, Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP). Mesyuarat tersebut membincangkan pelbagai isu hak asasi manusia di Malaysia dan Filipina antaranya; inisiatif berkaitan jantina yang telah dijalankan oleh kedua-dua institusi termasuk perkahwinan bawah umur, memindahmilik kewarganegaraan, rang undang-undang berkaitan gangguan seksual, perceraian dan perbincangan mengenai Memorandum Persefahaman (MoU) Isu Tiada Kewarganegaraan di Sabah bersama SUHAKAM, CHRP dan Komisi Nasional Hak Asasi Manusia (Komnas HAM) Republik Indonesia.

SUHAKAM menghargai kunjungan dan perkongsian idea yang telah berlangsung antara kedua-dua pihak. Semoga kerjasama bersama CHRP dapat diteruskan pada masa akan datang dalam usaha memelihara dan mempromosi hak asasi manusia.



CERAMAH KESEDARAN MENGENAI HAK ASASI KANAK-KANAK DI SEKOLAH KEBANGSAAN (SK) KINDU, TUARAN, SABAH

Pejabat SUHAKAM Sabah telah menerima jemputan daripada Kelab Pendidikan Awal Kanak-kanak, Universiti Malaysia Sabah (UMS), untuk memberikan ceramah kesedaran mengenai hak asasi kanak-kanak di SK Kindu, Tuaran. Objektif utama program tersebut adalah untuk meningkatkan kesedaran dan memacu komitmen pelbagai pihak dalam usaha melindungi kanak-kanak atas dasar tanggungjawab bersama.

Pejabat SUHAKAM Sabah merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kelab Pendidikan Awal Kanak-kanak, UMS dan SK Kindu, Tuaran, atas jemputan tersebut dan berharap agar ilmu yang disampaikan memberi manfaat kepada semua yang hadir.



25 JUN 2023

CERAMAH DAN PAMERAN KESEDARAN HAK ASASI MANUSIA BERSEMPENA PROGRAM PEMERKASAAN GERAK SIHAT DAN PENGGUNA SELANGOR

SUHAKAM telah dijemput oleh Persatuan Penduduk Taman Subang Mas, Selangor untuk menyampaikan ceramah dan mengadakan pameran kesedaran hak asasi manusia bersemepena dengan Program Pemerkasaan Gerak Sihat dan Pengguna Selangor.

Semoga sesi perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada penduduk Taman Subang Mas. SUHAKAM akan terus komited dalam menjalankan fungsi dan mandatnya untuk memberi pendidikan berhubung hak asasi manusia.



SESI LIBAT URUS BERSAMA PIHAK YANG BERKEPENTINGAN MENGENAI KETETAPAN DASAR DAN PARAMETER BAGI RANG UNDANG-UNDANG (RUU) SURUHANJAYA KANAK-KANAK MALAYSIA

Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Sesi Libat Urus Bersama Pihak Pihak Berkepentingan Mengenai Ketetapan Dasar dan Parameter Bagi Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia. Sesi pagi merupakan slot bersama agensi kerajaan sementara sesi petang bersama badan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi masyarakat sivil (CSO).

Dr. Farah Nini Dusuki selaku Anggota Pesuruhjaya Kanak-kanak telah menyampaikan taklimat berkenaan parameter utama RUU Suruhanjaya Kanak-Kanak. Antara pengisian taklimat tersebut ialah konsep penubuhan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak, struktur organisasi dan beberapa perkara lain yang berkaitan.

OCC telah menerima banyak maklum balas positif berhubung penubuhan RUU ini daripada pemegang taruh yang hadir dan berharap agar RUU ini dapat benar-benar direalisasi sebagai mana hasrat kerajaan demi kepentingan terbaik semua kanak-kanak.






SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA



Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

Ikuti kami di platform media sosial



ADUAN

Aduan boleh dihantar kepada SUHAKAM secara individu / berkumpulan melalui telefon, faks, e-mel dan sistem aduan SUHAKAM: <http://aduan.suhakam.org.my/eApps/system/index.do>

Ibu Pejabat Kuala Lumpur

Tingkat 11, Menara TH Perdana,
1001, Jalan Sultan Ismail,
50250, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
Tel : 03-26125600
Fax : 03-26155620
e-mel : humanrights@suhakam.org.my

Pejabat Sarawak

Suite 8.01, 8.02 & 8.03, Tingkat 8,
Tun Jugah Tower, Jalan Tunku Abdul Rahman,
93100, Kuching, Sarawak
Tel : 082-234650
Fax : 082-254937
e-mel : sarawak@suhakam.org.my

Pejabat Sabah

Suite W1 & E1, Tingkat 8, CPS Tower,
No. 1 Jalan Centre Point,
88000, Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-317405
Fax : 088-317406
e-mel : sabah@suhakam.org.my